



## KENYATAAN MEDIA

---

### JMG TIDAK MENERIMA PERMOHONAN ULASAN TEKNIKAL UNTUK GUA LEPAK, BATU CAVES

---

Isu kewujudan Restoran Gua Lepak, Bukit Batu Caves di Taman Industri Bolton, Gombak, Selangor yang terletak di dalam gua batu kapur telah ditimbulkan beberapa kali di dalam media tempatan. Antara isu yang diutarakan ialah isu keselamatan pengunjung premis, risiko berlaku bencana geologi, pemuliharaan fosil di tapak, status kebenaran operasi restoran, risiko vandalisme, gangguan biodiversiti endemik serta isu pemuliharaan dan kelestarian terhadap geotapak tersebut yang merupakan sebahagian daripada Gombak-Hulu Langat Geopark (GHLGp).

Sehingga kini, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) tidak menerima sebarang permohonan daripada pengusaha perniagaan mahupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengulas aspek teknikal akan cadangan aktiviti perniagaan mahupun sebarang aktiviti yang telahpun dijalankan di dalam gua tersebut.

Sebagai makluman, mengikut prosedur yang diamalkan dalam cadangan pembangunan fizikal, pihak pemaju perlu membuat permohonan pemajuan kawasan tersebut kepada PBT dan PBT perlu memohon ulasan teknikal bagi permohonan cadangan pemajuan kepada JMG yang merupakan salah satu daripada Agensi Teknikal Negeri.

Selain daripada itu, sebarang pembangunan di kawasan kaki batu kapur perlu merujuk kepada Garis Panduan Penentuan Zon Bahaya Di Sekitar Batu Kapur yang dikeluarkan oleh JMG untuk menentukan zon keselamatan di sekitar batu kapur tersebut.

Dalam konteks pembangunan geopark, kesejahteraan masyarakat dan penjanaan ekonomi masyarakat setempat adalah merupakan salah satu elemen yang dapat menambah nilai kepada sesuatu geopark. Walau bagaimanapun, aktiviti tambah nilai ini perlulah selari dengan konsep pembangunan geopark yang melibatkan tiga elemen penting iaitu pemuliharaan, pendidikan serta pembangunan secara lestari.

Pihak JMG amat menyarankan agar Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 (PPGN 2021-2030) dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara (PLGN) yang telah diputuskan untuk dipakai ketika Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-42 diterjemahkan dalam setiap pembangunan geopark.

**DATUK ZAMRI RAMLI  
KETUA PENGARAH  
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

**14 MAC 2024**